

Ekspo Pengajian Tinggi 2019 : 16-17 Februari



KETUA Bahagian Pengajian Tinggi, Dayang Siti Zuliana binti Haji Abdul Samad (tengah) ketika menjelaskan mengenai Ekspo Pengajian Tinggi 2019 pada sidang media yang berlangsung di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Khamis, 31 Januari. - Ekspo Pengajian Tinggi 2019 anjuran Kementerian Pendidikan akan diadakan selama dua hari iaitu pada 16 dan 17 Februari ini bertempat di Dewan 2, Bridex Jerudong.

Fokus utama ekspo tersebut adalah sebagai One Stop Information Centre bagi pengajian tinggi yang akan menyatukan kesemua institusi pengajian pasca menengah; institusi pengajian tinggi kerajaan serta swasta dan agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negeri di bawah satu bumbung bagi memberikan gambaran mengenai lanskap pendidikan pasca menengah dan pengajian tinggi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Bahagian Pengajian Tinggi, Dayang Siti Zuliana binti Haji Abdul Samad pada sidang media yang berlangsung di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, ekspo berkenaan akan membarigakan pelbagai laluan ke pengajian tinggi dan peluang-peluang tawaran pendidikan yang sedia ada di dalam dan luar negara.

Ekspo itu katanya, diharap akan

menjadi landasan bagi memudahkan pelajar-pelajar yang berhasrat untuk meninggikan tahap pengajian serta berinteraksi secara langsung dengan pihak institusi dan agensi pendidikan berkenaan.

Beliau menambah, sebanyak 58 buah institusi pengajian tinggi dan agensi perkhidmatan pendidikan juga agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan akan menyertai ekspo pada tahun ini terdiri daripada 13 institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dalam negeri; 21 institusi pendidikan luar negeri; 12 agensi kerajaan dan swasta; lapan agensi perkhidmatan pendidikan dalam dan luar negeri dan empat misi serta perwakilan luar negara.

Institusi Pengajian Tinggi Awam negara ini jelasnya, akan disertai oleh Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

"Manakala pengajian tinggi swasta akan disertai oleh Laksamana College of Business,

Kolej International Graduate Studies (KIGS), Cosmopolitan College of Commerce and Technology, Micronet International College, Kemuda Institute, BICPA-FTMS Accountancy Academy dan Mahakarya Institute of the Arts.

Institusi-institusi tersebut akan memperkenalkan program-program yang akan ditawarkan, syarat-syarat kemasukan, tatacara pendaftaran dan segala maklumat yang berkaitan," katanya.

Sementara itu tambahnya, Kementerian Pendidikan pula akan membarigakan maklumat-maklumat terkini yang berkaitan termasuk Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi (HECAS), biasiswa-biasiswa kerajaan dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP).

Selain pameran dan sesi konsultasi, Ekspo Pengajian Tinggi kali ini mengadakan seminar dan forum dari beberapa institusi pendidikan dan persatuan tempatan seperti tatacara penulisan Personal Statement; Curriculum Vitae, tip temu duga dan forum *success stories*.

Ekspo dibukakan kepada orang awam khususnya lepasan Brunei G.C.E 'O' Level dan 'A' Level atau kelulusan sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan juga bagi mereka yang ingin mengembangkan kemahiran atau profesionalisme mereka.

Ekspo tersebut juga mengalu-alukan dan membukakan peluang yang sama kepada pelajar dan penganjur luar negara yang berkeinginan untuk meneruskan pengajian di institusi-institusi di negara ini.

Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik/Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan Ketua Bahagian Biasiswa, Awang Julaihi bin Mohamat selaku Pengerusi-Pengerusi Bersama ekspo berkenaan.

Pengambilan Pusingan pertama HECAS 2019

Siaran Akhbar dan Poster : Bahagian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Februari. - Pengambilan Pusingan Pertama HECAS 2019 secara dalam talian (*Online*) bagi kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Politeknik Brunei (PB) dan permohonan Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri di bawah kendalian Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan bagi tahun akademik 2019/2020 akan bermula pada Isnin, 4 Februari 2019 jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Selasa, 26 Februari 2019 jam 4.30 petang.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah di peringkat Ijazah Pertama, Diploma Tertinggi Kebangsaan dan Diploma Level 5.

Setiap pemohon hanya dibenarkan memohon dua (2) kursus di setiap IPTA dan satu (1) kursus di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Jumlah kursus yang dapat dipohon adalah enam (6) kursus.

Pemohon yang ingin memohon Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri dimestikan untuk memohon satu kursus di institusi pengajian tinggi awam.

Para pemohon dinasihatkan untuk menghantar atau mengemil dokumen-dokumen yang diperlukan oleh institusi berkenaan sebelum atau tidak melimpasi tiga hari waktu bekerja selepas tarikh tutup Pengambilan Pusingan Pertama HECAS 2019.

HECAS dibukakan kepada pemegang kad pintar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu kad pintar yang berwarna Kuning, Unggu dan Hijau.

HECAS tidak memproses permohonan di bawah skim Latihan Dalam Perkhidmatan atau permohonan orang asing yang tidak mempunyai kad pintar yang tersebut di atas.

Pemohon boleh memakai keputusan yang diramal (Predicted Result) untuk memohon melalui HECAS.

Pemohon yang berjaya akan diberi tawaran bersyarat (Conditional Offer) oleh institusi berkenaan.

Selepas pendaftaran, para pemohon dikehendaki membuat bayaran tunai di kaunter-kaunter pembayaran yang telah ditetapkan di keempat-empat daerah, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan di Kementerian Pendidikan; UBD; UNISSA; UTB; PB; Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Pusat Tingkatan Enam Meragang; Pusat Tingkatan Enam Sengkurong; Pusat Tingkatan Enam Tutong; Sekolah Menengah Sayyidina Ali; Sekolah Menengah Sultan Hassan; IBTE Kampus Sultan Bolkiah and IBTE Kampus Jefri Bolkiah.

Bagi keterangan lanjut, layari laman sesawang Kementerian Pendidikan di <http://moe.gov.bn> atau laman sesawang HECAS yang baru di hecas.moe.gov.bn.

Sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui emel di ask.hecas@moe.gov.bn atau melalui nombor telefon +673 2381992 / +673 2380833 / +673 2380620 semasa waktu pejabat.



LENSA
Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :
1) 'Senyum' - Tarikh Tutup : 9 Februari 2019
2) 'Bendera atau Anak Merdeka' - Tarikh Tutup : 23 Februari 2019
3) 'Suasana Sambutan Hari Kebangsaan' - Tarikh Tutup : 9 Mac 2019
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



سېسټم كېماسوكن بېرپوسټ فھالٲن بھوٲن
SISTEM KEMASUKAN BERPUSAT PENGAJIAN TINGGI
HIGHER EDUCATION CENTRALISED ADMISSION SYSTEM
Ministry of Education

HECAS
2019
1ST
ROUND

Starting Date : 04 February 2019
Closing Date : 26 February 2019

hecas.moe.gov.bn